

LAPORAN LATIHAN AMALI  
ARAHAN PERUBAHAN  
PEMBINAAN KOMPLEKS PEJABAT  
UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

AZWANI BT. HJ. SARMO  
94849166  
DIPLOMA BANGUNAN 05

JABATAN BANGUNAN  
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM

1997

## **Penghargaan**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya saya telah dapat menamatkan latihan amali dengan jayanya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia latihan amali, Tuan Hj. Mohd. Amin Mohd. Din, En. Zaidi Hussein, Pengurus kontrak dan Tengku Noor Hisham Tengku Hamid Pengurus tapak di atas segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan dari peringkat awal hingga akhir latihan ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Perspec Prime (M) Sdn. Bhd. terutamanya Bahagian Kontrak diatas kerjasama yang telah diberikan. Ucapan ini juga di tujukan kepada Saudari Mazlina Mat Jadi selaku Eksekutif Kontrak bagi Projek Utusan Melayu diatas kepercayaannya memberi tugas kepada saya.

Akhir sekali sekalung penghargaan buat ibubapa dan keluarga di atas doa dan galakan dalam menghadapi pengajian di Institut Teknologi Mara. Semoga usaha dan keikhlasan kita diberkati oleh Allah S.W.T.

## Isi kandungan

---

Perkara	Muka surat
Penghargaan	i
Prakata	ii
Isi kandungan	iii

### **Bab 1 : Latar belakang syarikat**

1.0 Pengenalan	1/1
1.1 Matlamat syarikat	1/2
1.2 Objektif syarikat	1/2
1.3 Maklumat korporat	1/3
1.4 Sejarah pengkorporatan	1/4
1.5 Aktiviti utama	1/5
1.6 Perlindungan kepada alam sekitar	1/6
1.7 Ahli kumpulan DRB-Hicom	1/7
1.8 Carta Organisasi syarikat	1/9
1.8 Lembaga Pengarah syarikat	1/10
1.9 Lembaga Pengurusan syarikat	1/11
1.10 Keratan Akhbar	

## **Bab 2 : Latar belakang projek**

2.1 Pengenalan	2/1
2.2 Bidang kerja	2/2
2.3 Carta Organisasi tapak	2/3
2.4 Lukisan	

## **Bab 3 : Kajian kes - Perubahan Arah**

3.0 Pengenalan	3/1
3.1 Proses Perubahan Arah	3/2
3.2 Komen dan cadangan	3/10
3.3 Kesimpulan	3/11
3.4 Lampiran	

## **1.0 Pengenalan**

1.0.1 Perspec Prime(M) Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang muncul sebagai satu daripada syarikat pembinaan utama di Malaysia yang akan mengubah pandangan masyarakat dengan rekabentuk inovatif dan imaginatif. Gabungan kepada teknologi dan kepakaran tenaga profesional yang ada di Perspec dapat memberi hasil terbaik dalam semua aktiviti. Dan pada masa yang sama Perspec tidak mengabaikan aspek perlindungan alam sekitar.

1.0.2 Berada didalam dunia yang berubah dengan pesat, Perspec bergerak seiring dengan masa yang berlalu. Penguasaan dan peningkatan dalam teknologi menjadi cabaran dalam mengharungi arus industri. Dengan sokongan daripada individu yang dedikasi dan kemajuan teknologi ia dapat membantu Perspec berada ditahap yang membanggakan dalam mencapai aspirasi korporatnya.